

Nama Murid	Tahun	5
------------	-------	---

011

Bahasa Melayu

Pemahaman

Mei 2015

50 minit

INSTRUMEN PENILAIAN SEKOLAH
BIL 1 / 2015

BAHASA MELAYU

Pemahaman

TAHUN 5

Lima puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, laitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Soalan 1-20

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 " _____ akan berangkat bersama-sama dengan hulubalang negeri ini," sembah Laksamana Hang Tuah kepada Sultan Melaka.

- | | |
|--------------|----------|
| A Hamba | C Tuanku |
| B Tuan hamba | D Patik |

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.

- 2 Aizudin _____ sahaja menyambut hari jadinya yang ke-19.

- | | |
|---------|----------|
| A baru | C lambat |
| B kejap | D awal |

- 3 Puan Rafeah begitu mahir _____ pengantin menyebabkan beliau dikenali ramai di kampung itu.

- | | |
|-------------|---------------|
| A menganyam | C mencukur |
| B mendandan | D menggunting |

- 4 Perkahwinan Rohani dengan Zamri akan _____ pada bulan depan.

- | | |
|--------------|-----------------|
| A ditemukan | C dilangsungkan |
| B dijodohkan | D disiapkan |

5 Rahim menerima sepucuk surat _____ abangnya di Sabah.

- | | |
|------------|----------|
| A dari | C kepada |
| B daripada | D pada |

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6 Ayah sedang berehat _____ membaca surat khabar.

- | | |
|-------------|-----------|
| A lalu | C saambil |
| B sementara | D kerana |

7 Semasa perlawanan bola sepak antara pasukan Selangor dengan pasukan Kedah
_____ penonton memenuhi stadium itu.

- | | |
|--------------|-----------|
| A sesetengah | C ribuan |
| B semua | D separuh |

8 _____, sampainya hati engkau melukai hati kedua-dua orang tuamu!

- | | |
|----------|--------|
| A Aduhai | C Aduh |
| B Amboi | D Ah |

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



9 Puan Aminah memberikan _____ daripada kek itu kepada jiran sebelah rumahnya.

- | | |
|----------------|-------------------|
| A dua | C kedua-dua |
| B separuh | D sesetengah |

10 _____ punca kebakaran kereta Encik Samad di Lebuh Raya Karak petang semalam?

- | | |
|-------------------|------------------|
| A Mengapakah | C Siapakah |
| B Apakah | D Berapakah |


11 Mangsa kebakaran itu hanya _____ sebuah bilik kecil sementara menunggu bantuan tiba.

- | | |
|-------------------|----------------|
| A menyewa | C membeli |
| B menyewakan | D penyewa |

12 Encik Rajoo _____ anaknya dengan seorang guru.

- | | |
|---------------------|------------------|
| A mengahwinkan | C berkahwin |
| B mengahwini | D terkahwin |

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



- 13 Selepas menebas semak samun di kebunnya, Pak Zali memetik _____ rambutan yang sudah masak.
- A segugus C seikat
 B setangkai D sebijii
- 14 Suara penyanyi itu _____ ketika mendendangkan lagu "Seri Mersing".
- A merayu-rayu C mendayu-dayu
 B membela-bela D menjerit-jerit
- 15 Rusa itu _____ cuba melepaskan diri daripada jerat.
- A terketar-ketar C terkial-kial
 B tergapai-gapai D terkehel-kehel
- 16 Wakamaru merupakan robot ciptaan manusia yang _____ canggih _____.
- A agak ... sekali C paling ... sekali
 B amat ... paling D agak ... sungguh

Soalan 17 berdasarkan gambar di bawah.



- 17 Pusat sumber sekolah menyediakan pelbagai jenis bahan _____ untuk murid-murid.
- A bacaan C pembaca
 B dibaca D membaca
- 18 Jika suka membaca, _____ seseorang akan meningkat di samping pengetahuannya juga akan bertambah.
- A tajam akal C daya fikir
 B cerdik akal D ilmu hayat
- 19 Selepas kematian ibu bapanya, Ahmad Sajari merantau untuk _____ di ibu kota..
- A mengikut hati C mengadu untung
 B mengikut jejak D mengadu domba
- 20 Cocok benar dengan susuk tubuhnya apabila Munirah mengenakan baju kebaya nyonya.

Pilih perkataan seerti bagi cocok dan susuk.

- A sesuai rupa C elok potongan
 B padan gaya D padan bentuk

- 21 Pegawai itu memberi penerangan lanjut kepada pekerja-pekerja yang tidak berpuas hati.

Pilih perkataan berlawanan bagi lanjut.

- | | |
|---------|-----------|
| A kemas | C jitu |
| B padat | D ringkas |

Soalan 22 – 23

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 22 I Air bah itu sampai ke paras pinggang saya.
 II Semua peragawati mempunyai paras yang cantik.
 III Bangunan yang baru dibina itu dua puluh paras tingginya.
 IV Tok Sidang mempunyai paras yang tinggi dalam masyarakat

- | | |
|--------------|--------------|
| A II dan III | C I dan II |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 23 I Satimah menjerit apabila ulat itu menjalar ke arahnya.
 II Wabak taun telah menjalar ke daerah selatan pulau itu.
 III Kacang panjang sejenis tumbuhan yang hidup menjalar.
 IV Jiran saya telah membeli sebuah kereta yang besar menjalar

- | | |
|-----------------|----------------|
| A I dan III | C II dan IV |
| B I, II dan III | D I, II dan IV |

24 Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.

Jumlah mangsa banjir di Johor yang telah dipindahkan ke pusat pemindahan meningkat kepada sepuluh ribu orang.

- A Di manakah mangsa banjir di Johor seramai sepuluh ribu orang ditempatkan?
- B Mengapakah mangsa banjir di Johor seramai sepuluh ribu orang dipindahkan?
- C Berapakah jumlah mangsa banjir di Johor yang telah dipindahkan ke pusat pemindahan?
- D Adakah jumlah mangsa banjir di Johor yang dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan?

25 Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

Bagaimanakah pihak polis dapat menangkap penjenayah-penjenayah itu?

- A Pihak polis berjaya menangkap pencuri-pencuri itu di sebuah rumah kosong.
- B Penjenayah-penjenayah itu memakai topeng.
- C Pihak polis memperoleh maklumat daripada orang ramai tentang penjenayah-penjenayah itu.
- D Tidak, penjenayah itu gagal melepaskan diri

Soalan 26 - 27

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

26 Pihak Jabatan Perikanan Malaysia telah mewartakan lebih daripada 40 buah pulau di seluruh negara sebagai taman laut.

- A Lebih daripada 40 buah pulau yang terdapat di perairan negara telah diisyiharkan sebagai taman laut oleh Jabatan Perikanan Malaysia.
- B Terdapat 40 buah pulau di seluruh negara telah diwartakan sebagai taman laut oleh Jabatan Perikanan Malaysia.
- C Negara mempunyai 40 buah taman laut yang masih terpelihara keasliannya.
- D Jabatan Perikanan Malaysia telah mewartakan penjagaan 40 buah taman laut.

27 "Saya akan melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan di luar negara," kata Mala kepada Amir.

- A Mala menanyakan Amir dia akan melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan.
- B Mala memberitahu Amir bahawa dia akan melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan di luar negara.
- C Mala dan Amir akan melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan di luar negara.
- D Di luar negara Mala memaklumkan Amir akan melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan.

Soalan 28 – 30*Pilih ayat yang betul*

- 28 A Harga tiga setengah kilogram pulut itu ialah RM18.00
 B Encik Akinal berasa bangga atas kejayaan anaknya dalam SPM.
 C Berbagai barang keperluan harian dijual di kedai yang berhampiran taman itu.
 D Wanita itu amat rindukan anak-anaknya.
- 29 I Ibu bapa telah menghantar borang itu kepada pihak sekolah.
 II Aliya gembira kerana memperolehi 5A dalam UPSR.
 III Semua baju-baju Nafisah tergantung di dalam almari
 IV Majlis pelantikan pengawas itu telah diadakan di Dewan Bitara Budi.
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D II dan IV
- 30 I Dari pagi hingga petang Amir bermain.
 II Najia menghidangi tetamu sepinggan kuih.
 III Amalan mengambil sarapan ialah baik untuk kesihatan.
 IV Gubahan itu dihasilkan daripada bahan terbuang.
 A I dan II C II dan III
 B I, II dan IV D I, III dan IV

Soalan 31 – 35

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Merdeka

**Itulah laungan yang bergema,
Lambang kebebasan,
Malaysia bumiiku merdeka.**

Merdeka

**Lahirmu daripada sebuah perjuangan
Perjuangan seorang putera bangsa,
Yang bersemangat waja,
Perjuangan bapa-bapa kami,
Pembela nusa,
Perjuangan suci tanpa titisan darah.**

Merdeka

**Kami anak-anak yang merdeka,
Lahir di bumi Malaysia,
Bumi yang makmur dan kaya dengan khazanahnya,
Bumi yang kaya dengan budaya,
Bumi muhibah berbilang bangsa.**

Merdeka

**Kami anak-anak wawasan,
Tidak mahu ketinggalan,
Kami mengejar kemajuan,
Kami mampu menjulang nemamu,
Oh, Malaysia!**

- 31 Apakah maksud merdeka bagi sebuah negara?
- Bebas daripada penjajahan dan mempunyai pentadbiran sendiri.
 - Bebas untuk pergi ke sana dan ke mari.
 - Berjaya menghalau penjajah dari negara mereka.
 - Dapat melakukan segala-galanya tanpa diperintah oleh negara asing.
- 32 Bagaimanakah semangat pejuang-pejuang negara untuk mencapai kemerdekaan?
- Bersikap berani dan waja
 - Takut untuk menentang penjajah
 - Berkobar-kobar untuk berperang
 - Bendiam diri
- 33 Apakah yang dimaksudkan dengan *khazamah*?
- Tumbuh-tumbuhan
 - Nyawa
 - harta karun
 - kehidupan
- 34 Mengapa kita patut berasa bangga dilahirkan di Malaysia?
- Kerana Malaysia terletak di tengah-tengah antara Indonesia dan Singapura.
 - Kerana Malaysia aman dan rakyatnya hidup harmoni walaupun berbilang bangsa dan agama.
 - Kerana Malaysia kaya dengan bahan galianya.
 - Kerana Malaysia pernah dijajah oleh penjajah asing.
- 35 Apakah cita-cita anak wawasan?
- Ingin memperjuangkan kemerdekaan.
 - Ingin bersatu dan berharmoni.
 - Ingin terus tinggal di negara ini.
 - Ingin memajukan dan mengharumkan nama negara.

Soalan 36 – 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

11 Mac 2015

3.00 petang

Aku dan peserta yang lain tiba di tapak perkhemahan. Selepas melaporkan diri, kami mendirikan khemah bersama-sama. Aku amat bersemangat untuk menyertai Kursus Kepimpinan anjuran Kelab Pengawas ini.

8.00 malam

Selepas makan malam, kami diberi taklimat tentang perjalanan kursus oleh Cikgu Azmi. Banyak peringatan yang diberikan oleh Cikgu Azmi.

12 Mac 2015

7.00 pagi

Kami bangun awal. Kami berjalan ke Air Terjun Sekayu, iaitu tempat Kursus Kepimpinan dijalankan.

9.30 pagi

Setelah menempuh pelbagai halangan, kami tiba di kawasan air terjun. Cikgu Azmi mengarahkan kami mendirikan khemah. Cikgu Azmi memberikan tugas. Aku, Farra, Suzie dan Kim Hong menjadi pembantu tukang masak. Selepas makan, kami berehat seketika.

2.30 petang

Ceramah kepimpinan dimulakan oleh Cikgu Farid. Soalan dikemukakan dan peserta dikehendaki menjawab secara spontan. Setiap jawapan yang betul akan diberikan markah. Kami berlumba-lumba untuk melakukan yang terbaik.

5.00 petang

Setiap kumpulan diberikan masa untuk berbincang tentang persembahan yang akan dipersembahkan pada malam nanti. Masa yang begitu suntuk, kami manfaatkan sepenuhnya. Kami mengamalkan sikap *bagai aur dengan tebing* supaya dapat menghasilkan persembahan yang terbaik.

8.00 malam

Setiap kumpulan mempersembahkan sketsa masing-masing. Kumpulanku mempersembahkan boria Pulau Mutiara. Kami berjaya mendapat tempat pertama.

12.30 malam

Masing-masing masuk ke dalam khemah. Kami diarahkan tidur. Awal pagi esok kami akan berangkat pulang.

36 Siapakah guru yang mengendalikan Kursus Kepimpinan ini?

- A Cikgu Farra dan Cikgu Farid
- B Cikgu Azmi dan Cikgu Suzie
- C Cikgu Farid dan Cikgu Azmi
- D Guru Besar dan Cikgu Azmi

37 Apakah aktiviti yang diadakan pada pukul 7.00 pagi, 12 Mac 2015?

- | | |
|----------------------|-------------------------------|
| A Melaporkan diri | C Mendirikan khemah |
| B Mendengar taklimat | D Menuju ke Air Terjun Sekayu |

38 Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan.

- A Kursus Kepimpinan itu diadakan di Air Terjun Sekayu.
- B Kursus Kepimpinan itu dianjurkan oleh Kelab Pengawas sekolah.
- C Kursus ini diadakan selama tiga hari.
- D Kursus ini dapat melatih para peserta supaya mematuhi peraturan.

39 Semua yang berikut benar tentang sikap peserta perkhemahan, kecuali

- | | |
|---------------------------|---------------------|
| A bekerjasama | C mementingkan diri |
| B berani menempuh cabaran | D patuh pada arahan |

40 Frasa *bagai aur dengan tebing* dalam petikan bermaksud

- A hubungan yang amat akrab.
- B bantu-membantu antara satu dengan yang lain.
- C bekerja apabila diarahkan berbuat demikian.
- D sanggup bersusah payah untuk berjaya.

KERTAS SOALAN TAMAT